

**Oleh :** DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK  
**Tempat:** DEWAN MILENIUM, KEPALA BATAS, PULAU PINANG  
**Tarikh:** 26-04-2004  
**Tajuk :** MAJLIS PENUTUP MINGGU SAHAM AMANAH MALAYSIA 2004

Saya bersyukur ke hadrat Allah subhanahu wataalla kerana dengan izinnya, dapat kita sama-sama berkumpul pada pagi ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Permodalan Nasional Berhad kerana sudi menjemput saya untuk menyempurnakan majlis penutup Minggu Saham Amanah Malaysia 2004 pagi ini.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan syabas kepada PNB kerana berjaya sekali lagi menganjurkan MSAM buat kali ke-5 berturut-turut. Untuk menganjurkan satu acara sebesar MSAM ini bukanlah satu usaha yang mudah. Apatah lagi mengumpulkan lebih dari 60 syarikat-syarikat besar yang tersenarai di Bursa Saham Malaysia serta organisasi-organisasi yang terlibat secara langsung serta tidak langsung di dalam industri saham amanah untuk sama-sama berganding bahu dalam satu dewan pameran. Ini juga jelas menunjukkan kewibawaan PNB dalam menguruskan satu acara penting yang disokong oleh syarikat-syarikat besar.

Saya amat berharap selama seminggu ini acara MSAM diadakan di Dewan Milenium ini, rakyat negeri Pulau Pinang serta penduduk negeri-negeri lain seperti Kedah dan Perak dapat mengambil kesempatan melawat MSAM serta mendapat faedah dan pendedahan mengenai pelaburan serta perancangan kewangan yang cuba diterapkan oleh PNB kepada masyarakat supaya mereka lebih "celik pelaburan".

Kita sering berkata tentang "celik huruf", atau yang lebih hangat pada masa ini, "celik IT". Saya yakin bahawa "celik pelaburan" juga akan menjadi satu konsep yang akan terus-menerus diberi perhatian oleh Kerajaan Malaysia. Dalam perspektif ini, Minggu Saham Amanah Malaysia yang Kelima ini adalah satu usaha yang cukup membanggakan, dan sepatutnya diberi sokongan oleh semua pihak.

Industri saham amanah sudah lama bertapak di negara ini sejak tahun 1970-an. Amanah Saham Mara mula diperkenalkan oleh kerajaan melalui syarikat pelaburan milik kerajaan pada masa itu iaitu Kompleks Kewangan Malaysia Berhad. Walau bagaimanapun industri saham amanah tidaklah berkembang seperti yang diharapkan, dan tidak dikenal ramai sehinggalah Amanah Saham Nasional dilancarkan pada 20 haribulan April, 1981.

Semenjak ASN dilancarkan, ia mula mendapat perhatian ramai dan bermulalah satu era pendedahan pelaburan di negara kita.

Pada akhir tahun 1980-an, hanya terdapat 5 buah syarikat Pengurusan Saham Amanah yang menguruskan 21 tabung unit. Seperti mana Y.A.B. Perdana Menteri telah jelaskan bahawa terdapat pada masa ini 37 buah syarikat Pengurusan Saham Amanah yang menawarkan 243 tabung unit, satu peningkatan yang besar dalam masa 2 dekad. Ini dengan jelas menunjukkan pelancaran Amanah Saham Nasional merupakan satu pemangkin kepada perkembangan industri saham amanah di negara kita. PNB sendiri telah menawarkan 8 jenis tabung unit amanah serta 2 tabung amanah hartanah, berbanding kepada satu tabung pada awal penubuhannya.

Walaupun nampak satu perkembangan yang positif dalam peningkatan industri unit amanah tetapi negara kita masih lagi jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan negara-negara maju yang lain. Pada masa ini, terdapat 243 tabung amanah di dalam industri saham amanah di negara kita. Jumlah ini sangatlah kecil jika dibandingkan dengan negara maju seperti Korea yang mempunyai 6,767 tabung amanah dan Amerika Syarikat sebanyak 8,243 tabung amanah setakat tahun 2003.

Ini dengan jelas menunjukkan terdapat peluang yang cerah bagi industri amanah di Malaysia untuk berkembang lagi untuk setanding dengan negara-negara maju serta seiring dengan matlamat wawasan kita untuk membina Malaysia yang Cemerlang, Gemilang, dan Terbilang.

Seperti mana Tuan-tuan dan Puan-puan sedia maklum, prestasi pasaran saham negara juga telah menunjukkan peningkatan yang baik terutama pada suku tahun pertama 2004. Ini adalah yang tertinggi berbanding pasaran serantau dan pasaran-pasaran utama dunia yang lain.

Dengan usaha gigih kerajaan untuk terus meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara, sudah tentu syarikat-syarikat serta sektor swasta mendapat manfaat dari pertumbuhan ini. Sesungguhnya banyak syarikat-syarikat di mana tabung-tabung unit amanah melabur, mencatatkan keuntungan yang lebih dan dapat meningkatkan pulangan kepada pemegang saham. Bagi syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia, peningkatan keuntungan akan juga diikuti oleh peningkatan nilai saham dan seterusnya meningkat nilai asset bersih (NAB) tabung-tabung amanah di negara ini.

Alhamdulillah, dalam aspek ini, Kerajaan sentiasa sedar bahawa kemakmuran negara serta keharmonian masyarakat di Malaysia amat berkait rapat dengan kemajuan dan pembangunan ekonomi. Dan Kerajaan akan sentiasa melaksanakan tanggungjawabnya untuk mengemudikan ekonomi negara dengan penuh kerendahan hati dan rasa tanggungjawab.

Tidak ada gunanya kita berbicara tentang pembangunan ekonomi

sekiranya kekayaan itu hanya terbatas kepada sekumpulan kecil insan-insan yang bernasib baik. Kerajaan mahukan seluruh rakyat Malaysia untuk sama berkongsi, mengecapi nikmat kemajuan ekonomi yang telah kita cipta melalui usaha dan penat lelah kita bersama. Tidak ada gunanya kita membina bangunan berkembar tertinggi di dunia sekiranya masih ada rakyat Malaysia yang masih mengadu kelaparan. Seperti yang disebut oleh Perdana Menteri, kita akan berazam untuk mencapai Kemiskinan Sifar di kalangan rakyat Malaysia menjelang 2009.

Di sinilah peranan amanah saham dapat kita pergunakan. Kebanyakan rakyat mungkin tidak mempunyai jumlah wang yang banyak untuk membuat pelaburan secara langsung di dalam pasaran saham. Tetapi anda masih lagi boleh mengambil peluang kenaikan pasaran saham dengan melabur di dalam pasaran unit-unit amanah terutamanya unit-unit amanah yang diuruskan oleh PNB. Inilah cara yang paling mudah untuk seluruh rakyat Malaysia turut berkongsi sama dalam kemajuan ekonomi negara. "Yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing. Penat lelah sama diharung, kemakmuran sama dirai."

Oleh yang demikian, kerajaan Malaysia memandang tinggi usaha-usaha murni PNB dalam memberikan pendedahan secara menyeluruh tentang pelaburan dan perancangan kewangan kepada masyarakat umum melalui pendekatan Minggu Saham Amanah Malaysia.

Saya berdoa agar usaha murni PNB ini diberkati Allah dan mencapai matlamat dan sasarannya.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya menutup Minggu Saham Amanah 2004. Sekian terima kasih.

PEJABAT TIMBALAN PERDANA MENTERI  
PUTRAJAYA